

Negarawan Tanzania pengerusi Suruhanjaya

24 SEP 1986

Core

HARARE, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu sidang kemuncak kelapan Pergerakan Berkecuali di sini hari ini bahawa negarawan Tanzania, Dr Julius Nyerere, bersetuju menjadi pengerusi Suruhanjaya Bebas Selatan mengenai isu pembangunan.

Serentak itu, Perdana Menteri menggesa semua negara Selatan, gelaran bagi negara-negara membangun yang umumnya terletak di hemisfera selatan, supaya menyokong cadangan menubuhkan suruhanjaya itu.

Perdana Menteri pergi menemui Dr Nyerere di Dar Es Salaam, Tanzania, selepas upacara pembukaan sidang kemuncak pada hari Isnin bagi mempelawa bekas Presiden Tanzania itu supaya mengetuai suruhanjaya berkenaan.

Beliau memberitahu sidang itu bahawa suruhanjaya itu akan dianggotai oleh orang perseorangan yang terkemuka. Mereka tidak akan mewakili sebarang negara tetapi akan menumpukan perhatian kepada mencari jawapan terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara membangun.

Cadangan menubuhkan suruhanjaya bebas itu dicetuskan oleh Persidangan Selatan Kedua yang dianjurkan oleh Malaysia Mei lalu.

Di persidangan itu, kata Perdana Menteri, banyak perkara dipelajari mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara membangun dan sebab-sebab serta cara-cara mengatasinya.

"Dicadangkan di persidangan itu supaya sebuah Suruhanjaya Bebas Selatan ditubuhkan bagi mengkaji dan mencadangkan jawapan kepada pelbagai masalah ekonomi dan kewangan yang diderital oleh negara-negara Selatan," kata Perdana Menteri.

Ia akan mencadangkan langkah-langkah tegas memajukan kerjasama Selatan-Selatan di samping menambah dan menyokong kerjasama di dalam dan luar Pergerakan Berkecuali dan Kumpulan 77.

Perbezaannya ialah ia bergerak secara bebas, tidak berkaitan dan tidak bertanggungjawab kepada sebarang kerajaan, pertubuhan persendirian atau institusi. Anggota-anggotanya akan berkhidmat atas prinsip persendirian.

Perdana Menteri berkata sebuah jawatankuasa pemandu dengan beliau sebagai pengerusinya sudah ditubuhkan bagi mewujudkan landasan suruhanjaya itu.

Beliau menyatakan perasaan terhutang budi kepada Perdana Menteri Robert Mugabe, Zimbabwe; Perdana Menteri Rajiv Gandhi, India; Dr Kenneth Kaunda, Zambia; dan beberapa pemimpin lagi yang memberi sokongan awal kepada cadangan itu.

Perdana Menteri meminta negara-negara anggota yang lain memberi sokongan sepenuhnya jika cadangan itu hendak diterjemahkan kepada tindakan yang nyata.